

FPP suntik semangat mahasiswa melalui seminar keusahawanan

NST 15·11·2018 6

KOTA KINABALU: Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Seminar Keusahawanan, di sini, baru-baru ini sebagai pendedahan awal terhadap dunia keusahawanan dalam kalangan mahasiswa.

Dibuka kepada siswa-siswi UMS, program yang diadakan di Mini Auditorium FPP UMS itu merupakan satu inisiatif bagi membantu para pelajar mempersiapkan diri dengan ilmu keusahawanan apabila tamat pengajian kelak.

Antara aktiviti utama yang diadakan adalah ceramah Usahawan Muda daripada Jubair Juhinin, 27 tahun, seorang Alumni UMS tahun 2013 dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian (Akuakultur) dari Fakulti Sains dan Sumber Alam.

Dalam ceramahnya, Jubair menceritakan bagaimana cabaran-cabaran yang dilalui dalam dunia keusahawanan yang memerlukan kesabaran dan usaha gigih untuk mencapai kejayaan.

Beliau turut mengongsikan pengalaman dari awal penglibatan sehingga destinasi pelancon-

gan Arnab Village yang diasaskannya di Ranau itu menjadi destinasi yang wajib dilawati setiap pengunjung di daerah berkenaan pada masa kini.

“Arnab Village kini suda menerima lebih daripada 60,000 orang pelawat sepanjang tiga tahun beroperasi dan menempatkan lebih 450 ekor arnab daripada pelbagai baka.

“Kini Arnab Village dalam proses mengembangkan empayar perniagaan dengan membina restoran, kedai binatang peliharaan dan studio kucing,” jelasnya.

Siswa-siswi yang hadir teruja dan mengharapkan agar program seumpama itu diteruskan lagi pada masa-masa akan datang.

Seorang pelajar yang ditemui, Melsya Yusop berkata, seminar itu membolehkan beliau melihat dunia keusahawanan dengan lebih luas:

“Program ini memberi manfaat yang besar sekali gus memberi suntikan semangat kepada kami selaku peserta, dan saya sendiri kini memikirkan bidang keusahawanan sebagai salah satu bidang yang boleh diceburi apabila tamat pengajian kelak,” katanya.



BERMAIN DENGAN ARNAB...Para pelajar turut bermain dengan arnab yang dibawa oleh Jubair ke seminar tersebut.